

# **NOTA BAB 2 TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN**

## **BAB 2: TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN**

### **1. Peranan Kerajaan dalam Menangani Isu-isu Tempatan, Negara, dan Serantau**

- Kerajaan memainkan peranan yang penting untuk membantu perniagaan bersaing di peringkat domestik dan antarabangsa melalui beberapa kementerian dan agensi.
- **Antara agensi tersebut ialah:**
  - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
  - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);
  - Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE);
  - Bank Negara Malaysia (BNM).

#### **Peranan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Tempatan**

##### **1. Peranan kerajaan pusat**

- **Aspek perundangan**
  - kerajaan pusat bertanggungjawab menggubal undang-undang berkaitan dengan pendaftaran dan peraturan perniagaan, perlindungan pengguna, dan pelepasan cukai.
- **Aspek kewangan**
  - kerajaan pusat membantu peniaga mendapatkan pelbagai sumber kewangan
  - untuk memulakan dan memajukan perniagaan.
  - Tumpuan khas diberikan kepada peniaga kecil kecilan dan pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
- **melalui agensi pembiaya seperti :**
  - Majlis Amanah Rakyat (MARA),
  - Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB),
  - Amanah Ikhtiar Malaysia,
  - Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC).
- **Aspek perkembangan aktiviti perniagaan**
  - iaitu aktiviti perniagaan ditumpukan kepada aktiviti promosi, latihan dan pembangunan,
  - serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

##### **2. Peranan kerajaan negeri**

- Mewujudkan kawasan industri;
- Menjalin kerjasama dengan sektor swasta;
- Menarik pelabur tempatan dan asing;
- Membentuk syarikat berkepentingan kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN);
- Menyediakan skim galakan kepada sektor swasta untuk mengusahakan sesuatu jenis pertanian.

##### **3. Peranan Kerajaan Tempatan/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

- Menyediakan kemudahan infrastruktur;
- Mewujudkan pusat-pusat perniagaan dan perdagangan;
- Mengawal kesihatan dan keselamatan awam;
- Melaksanakan tanggungjawab sosial, terutama dalam penyediaan kemudahan awam seperti taman rekreasi.

##### **4. Peranan kerajaan dari aspek pertumbuhan ekonomi**

- Terdapat pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk **meningkatkan kegiatan ekonomi** dan antaranya ialah:
  - Program Transformasi Kerajaan (GTP)
  - Program Transformasi Ekonomi (ETP).
    - Untuk memajukan ekonomi,
    - kerajaan membantu pertumbuhan ekonomi setempat, memperkuuh ekonomi melalui pelaksanaan:
      - dasar fiskal
      - dasar kewangan
    - menggalakkan perniagaan eksport dengan menyediakan pelbagai galakan - contohnya : elau eksport.

## **5. Peranan kerajaan dari aspek guna tenaga**

- **Guna tenaga penuh:**

- bermakna: - kadar pengangguran kurang daripada 4 %.

- **Terdapat empat jenis pengangguran, iaitu:**

1. pengangguran bermusim,
2. pengangguran teknologi,
3. pengangguran kitaran,
4. pengangguran struktur.

- **Cara kerajaan mengatasi pengangguran:**

- 1. pengangguran bermusim**

- memberi insentif kepada pihak perniagaan
- seperti pengecualian cukai
- untuk membenarkan pekerja terus bekerja;

- 2. pengangguran teknologi**

- membenarkan penggunaan mesin-mesin moden
- hanya untuk proses tertentu
- yang tidak dapat dilaksanakan oleh tenaga buruh;

- 3. pengangguran kitaran**

- melaksanakan dasar fiskal dan kewangan untuk mengatasi ke melesetan ekonomi;

- 4. pengangguran struktur**

- membuat perancangan ekonomi
- sesuai dengan trend perubahan ekonomi dan perniagaan global.

## **6. Peranan kerajaan dari aspek ekonomi**

- 1. **Inflasi**

- satu keadaan kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan
- disebabkan oleh permintaan yang melebihi penawaran di pasaran;
- **inflasi tolakan kos :**
- Inflasi yang berlaku disebabkan oleh kenaikan pengeluaran kos barang dan perkhidmatan

### **Kerajaan memainkan peranan mengawal inflasi dengan cara :**

- **galakan pelaburan** - untuk meningkatkan jumlah pengeluaran barang dan perkhidmatan;
- **memberi subsidi kepada pengeluar** -supaya tidak berlaku peningkatan kos pengeluaran ;
- meningkatkan kadar faedah
- melaksanakan **dasar kerajaan** - seperti mengutip duti eksport terhadap barang eksport.

### **(b) Deflasi**

- suatu keadaan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan
- disebabkan oleh kejatuhan dalam permintaan oleh pengguna
- yang tidak mampu membeli barang di pasaran ;
- **kesannya ialah:**
- **kuasa beli penduduk menurun**
- kerana kehilangan pekerjaan dan
- ini seterusnya akan membantutkan aktiviti perniagaan;

### **Kerajaan memainkan peranan mengatasi masalah deflasi dengan cara :**

1. menurunkan kadar cukai;
2. memberi khidmat nasihat dan mengadakan perundangan -untuk membantu peniaga menggunakan sumber secara optimum;
3. menurunkan kadar faedah;
4. melaksanakan dasar fiskal.

## **Trend Persekitaran Perniagaan**

- *bermaksud* :
- suatu arah aliran perkembangan sesuatu perniagaan
- yang dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran perniagaan .

- **Pasaran** :
- merupakan suatu keadaan berlakunya urus niaga antara penjual dengan pembeli
- pada suatu tingkat harga dan masa
- yang dipersetujui oleh keduadua pihak.

**Pasaran terdiri daripada:**

- pasaran untuk semua (mass market) ;
- pasaran produk;
- pasaran kewangan.

***Apabila ekonomi berkembang, permintaan daripada pengguna dari dalam dan luar negara akan meningkat dan membawa kepada trend yang berikut dalam negara:***

1. **guna tenaga** - dalam semua sektor (**akan meningkat**), iaitu :
  - sektor utama,
  - sektor kedua,
  - sektor ketiga
2. **pendapatan perniagaan** - akan meningkat
  - kerana hasil jualan dan keuntungan akan meningkat;
3. **negara akan mengalami pertumbuhan ekonomi**
  - kerana pembayaran cukai oleh perniagaan akan digunakan oleh kerajaan
  - untuk pelbagai projek pembangunan berkaitan masyarakat dan ekonomi.

**Undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan**

- Digubal dan dilaksanakan dengan tujuan:
- untuk memastikan setiap aktiviti perniagaan dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Boleh memberikan kesan terhadap aspek persekitaran
- seperti kesihatan dan keselamatan, pekerjaan, maklumat, perancangan, perlindungan pengguna, persaingan, pengiklanan, undang undang syarikat, serta persekitaran.
  
- Antara akta berkaitan dengan aspek-aspek berkenaan ialah:
  1. Akta Kontrak 1950;
  2. Akta Jualan Barang 1957;
  3. Akta Sewa Beli 1967;
  4. Akta Perkongsian 1961;
  5. Akta Syarikat 1965;
  6. Akta Pekerjaan 1955;
  7. Akta Perhubungan Industri 1967;
  8. Akta Hak Cipta 1987.

**Analisis Faktor-faktor yang Membawa Perubahan kepada Persekutaran Perniagaan**

- Para peniaga perlu peka kepada perubahan dalam persekitaran yang melibatkan faktor dalaman dan faktor luaran.
- Kedua-dua faktor ini boleh dikaji dengan melakukan analisis kekuatan (strengths), kelemahan (weaknesses), peluang (opportunities), dan ancaman (threats) (SWOT) yang dihadapi oleh organisasi.
- Analisis SWOT dapat digunakan untuk menggubal strategi perniagaan untuk merealisasikan visi, misi, dan objektif perniagaan.

**Faktor dalaman**

- merujuk kepada faktor-faktor yang **dimiliki oleh syarikat**
- boleh memberi **kekuatan (S)** dan **kelemahan (W)** kepada sesebuah organisasi.

	<b>FAKTOR DALAMAN</b>	<b>Huraian</b>
<b>G</b>	<b>Gaya pengurusan</b>	Tingkah laku yang ditunjukkan oleh pengurus atau majikan untuk mempengaruhi gelagat pekerjanya. Antaranya ialah gaya pengurusan <i>laissez-faire</i> , gaya pengurusan sokongan, gaya pengurusan sederhana, gaya pengurusan autokratik, dan gaya pengurusan demokratik.
<b>S</b>	<b>Sumber manusia</b>	Sumber manusia yang mencukupi dan berkemahiran tinggi akan menjadikan perniagaan menjadi lebih berdaya saing. Sumber manusia boleh dibahagikan kepada sumber manusia dalaman dan sumber manusia luaran.
<b>T</b>	<b>Teknologi maklumat</b>	Sistem teknologi maklumat yang cekap dan berkesan membolehkan organisasi menjalankan urusan perniagaan dengan pembekal dan pelanggan dengan segera dan tepat. Keputusan perniagaan dapat dibuat dengan serta-merta.
<b>P</b>	<b>Pemasaran</b>	Strategi pemasaran yang baik dan kukuh dapat mempengaruhi permintaan pengguna terhadap barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi. Hal ini melibatkan elemen-elemen campuran pemasaran, iaitu produk, pengedaran, promosi, dan harga.
<b>P</b>	<b>Pengeluaran</b>	Barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan adalah bermutu dan dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.
<b>P</b>	<b>Penyelidikan dan pembangunan</b>	Dengan adanya penyelidikan dan pembangunan, perniagaan dapat meningkatkan mutu keluaran dan memperkenalkan keluaran baharu di pasaran. Melalui penyelidikan pemasaran, perniagaan dapat mengetahui cita rasa pengguna dan trend pasaran.
<b>K</b>	<b>Kewangan</b>	Struktur kewangan organisasi yang kukuh membolehkan sumber kewangan digunakan secara optimum untuk memajukan perniagaan.

**(b) Faktor luaran**

- merujuk kepada faktor-faktor yang boleh memberi **peluang (O)** dan **ancaman (T)** kepada sesebuah syarikat.

	<b>FAKTOR LUARAN</b>	<b>Huraian</b>
<b>U</b>	<b>Undang-undang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peraturan dan undang-undang untuk melindungi pengguna, masyarakat, dan alam sekitar</li> <li>boleh memberi kesan kepada cara perniagaan diuruskan, kos operasi dan peletakan harga, serta cara promosi produk.</li> </ul>
<b>S</b>	<b>Sosiobudaya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cara hidup pengguna yang dipengaruhi oleh budaya dan agama serta umur dan jantina</li> <li>boleh memberi kesan kepada permintaan sesuatu barang yang dikeluarkan oleh perniagaan.</li> </ul>
<b>E</b>	<b>Ekologi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melibatkan isu alam sekitar serta kekurangan sumber-sumber seperti bahan mentah dan tenaga yang diperlukan dalam proses pengeluaran.</li> </ul>
<b>P</b>	<b>Politik</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar dan polisi kerajaan dilaksanakan melalui undang-undang yang boleh membawa kesan positif atau negatif kepada perniagaan.</li> </ul>
<b>E</b>	<b>Ekonomi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan ekonomi yang meningkat dapat meningkatkan prestasi perniagaan dan begitulah sebaliknya.</li> </ul>

T	<b>Teknologi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkembangan dan perubahan teknologi membolehkan perniagaan meningkatkan mutu dan jenis keluaran dan hal ini seterusnya dapat meningkatkan peluang pasaran.</li> </ul>
---	------------------	---

### 3. Analisis faktor dalaman dan faktor luaran

- Analisis dalaman dan luaran terhadap sesebuah organisasi perniagaan boleh dilakukan dengan menggunakan analisis SWOT.
- Analisis SWOT bertujuan:**
  - menilai kesan perubahan persekitaran **dalaman (GSTPPPK)** dan **luaran(USEPET)**
  - mempengaruhi aktiviti organisasi perniagaan.
- Kekuatan (S) dan kelemahan (W):**
  - merupakan komponen untuk menganalisis **faktor dalaman (GSTPPPK)**
- Peluang (O) dan ancaman (T):**
  - merupakan komponen untuk menganalisis **faktor luaran (USEPET)**

#### Faktor dalaman (GSTPPPK)

- melibatkan **kekuatan (S) dan kelemahan (W)** organisasi .
- Contoh kekuatan (S) ialah:**
  - jenama yang sedia terkenal,
  - sumber kewangan yang kukuh dan sebagainya
- Contoh kelemahan (W) ialah:**
  - pekerja yang kurang mahir dan teknologi yang rendah.

#### Faktor luaran (USEPET)

- melibatkan **peluang (O) dan ancaman (T)**.
- Contoh peluang (O) ialah:**
  - perkembangan ekonomi dan bantuan kerajaan.
- Contoh ancaman (T) ialah:**
  - muncul pesaing baharu,
  - perundangan dan peraturan baharu kerajaan
  - mungkin memberi **kesan negatif kepada kos pengeluaran**

#### **Penggunaan Matriks SWOT**

STRATEGI	HURAIAN
<b>Kekuatan - Peluang ( S - O )</b>	<b>Kekuatan (S)</b> merujuk kepada <b>kelebihan (S-O)</b> dalam organisasi seperti <b>teknologi unik</b> yang dibangunkan oleh organisasi boleh digunakan untuk <b>merebut peluang (O)</b> yang wujud akibat perkembangan dalam <b>faktor luaran (USEPET)</b> .
<b>Kelemahan - Peluang ( W - O )</b>	<b>Kelemahan (W)</b> merujuk kepada <b>kekurangan(W-T)</b> dalam organisasi seperti kekurangan <b>sumber kewangan (F. Dalaman)</b> akan menyebabkan perniagaan tidak dapat meningkatkan pengeluaran apabila wujud perkembangan daripada <b>faktor luaran (USEPET)</b> , contohnya: <b>pertambahan permintaan global</b> akibat perkembangan <b>ekonomi</b> .
<b>Kekuatan - Ancaman ( S - T )</b>	<b>Kekuatan (s)</b> organisasi perniagaan Seperti: <b>produk (Faktor Dalaman)</b> yang unik digunakan dalam menghadapi <b>ancaman (T)</b> yang wujud akibat perkembangan <b>faktor luaran (usepet)</b> Seperti: bilangan <b>pesaing (F. luaran)</b> yang meningkat dalam industri.
<b>Kelemahan - Ancaman ( W - T )</b>	Kekurangan ( <b>WT</b> ) yang dihadapi oleh perniagaan Seperti: <b>kos pengeluaran seunit (faktor dalaman)</b> yang tinggi tidak dapat menyaingi <b>pesaing (T)</b> yang sanggup menurunkan harga jualan akibat kejatuhan dalam permintaan akibat <b>kemelesetan ekonomi global (faktor luaran)</b> .

#### **Kesan Perubahan Persekitaran Terhadap Organisasi Perniagaan**

## **1 . Pasaran**

**kesan terhadap pasaran boleh dilihat dari aspek:**

- cita rasa, fesyen, dan gaya hidup menyebabkan barang lama hilang permintaan di pasaran;
- kemasukan barang import yang lebih murah bersaing dengan produk tempatan;
- pembangunan teknologi yang menyebabkan barang lama hilang permintaan.

## **2. Trend**

**kesan perubahan dari aspek trend meliputi:**

- **guna tenaga**

- iaitu penurunan dalam guna tenaga akan menyebabkan kadar pengangguran yang meningkat seterusnya menyebabkan pengurangan kutipan cukai pendapatan oleh kerajaan;

- **pendapatan**

- jumlah pendapatan boleh guna yang bertambah akan meningkatkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan hal ini akan merancakkan ekonomi.

- **pertumbuhan ekonomi**

- trend pertumbuhan yang semakin meningkat akan memberi kesan positif terhadap perniagaan, contohnya: peningkatan dalam permintaan - akan meningkatkan jualan dan keuntungan perniagaan.

## **3. Undang-undang**

**kesan perubahan dari aspek undang-undang adalah seperti yang berikut:**

- 1. **melindungi perniagaan daripada sebarang penipuan**

- contohnya: **Akta Kontrak 1950 dan Akta Jualan Barang 1957** melindungi peniaga daripada penipuan dalam urus niaga sehari-hari yang boleh merugikannya jika peruntukan dalam sesuatu perjanjian dilanggar oleh satu pihak yang lain.

- 2. **mewujudkan sistem perniagaan secara adil**

- contohnya: **Akta Persaingan 2010** bertujuan mewujudkan keadaan di mana perniagaan bersaing secara adil dalam pasaran syarikat dilarang menyalahgunakan kedudukan dominan di pasaran untuk mendapat kelebihan persaingan yang menindas syarikat yang lemah.

- 3. **melindungi hak semua pihak di dalam perniagaan**

- contohnya: **Akta Hak Cipta 1987** digubal oleh kerajaan bertujuan memberi perlindungan terhadap pemilik karya-karya berkaitan sastera, muzik, dan seni terhadap perlanggaran hak oleh pihak lain di mana akan merugikan pemilik hak berkenaan.